

PM UCAP TERIMA KASIH ATAS SOKONGAN PELBAGAI PIHAK

UM 10 FEB 1988

KUALA LUMPUR 9 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengucapkan terima kasih di atas sokongan yang diberikan oleh pelbagai pihak kepada kepimpinannya.

Menurut satu kenyataan akhbar Pejabat Perdana Menteri, sejak beberapa hari lepas Datuk Sri Dr. Mahathir telah menerima surat dan telegram daripada parti-parti politik dan pelbagai pertubuhan, persatuan serta orang perseorangan menyatakan sokongan terhadap kepimpinan beliau sebagai Perdana Menteri.

Semalam, 12 pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) mengadakan perbincangan tidak rasmi dengan Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba dan telah mengikrarkan sokongan tidak berganjak kepada Datuk Sri Dr. Mahathir.

CUEPACS dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) juga telah menyatakan sokongan kepada kepimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir.

Sementara itu, semua duta Malaysia dan pegawai-pegawai Kementerian Luar di luar negeri telah diminta memberikan penjelasan berhubung dengan perkembangan terbaru mengenai masalah "UMNO" bagi mengelakkan kekeliruan dan salah tanggapan.

Menteri Luar, Datuk Abu Hassan Omar memberitahu, penjelasan mengenai kedudukan sebenar masalah tersebut adalah perlu supaya pihak-pihak luar tidak mendapat gambaran salah dan bagi memelihara imej Malaysia.

"Saya telah beri arahan kepada semua pegawai, duta serta wakil-wakil kita di luar negeri supaya berbuat demikian," katanya kepada para pemberita selepas menerima derma dari pelbagai pihak untuk Tabung Rakyat Palestin di Wisma Putra pagi ini.

Beliau juga menegaskan, perkembangan "UMNO" ketika ini termasuk penubuhan parti baru "UMNO 88," tidak menjejaskan hubungan Malaysia dan imej negara ini di peringkat antarabangsa.

"Ini kerana hubungan kita berdasarkan negara dengan negara iaitu atas asas kerajaan. Kerajaan kita masih kekal dan Perdana Menteri mendapat kepercayaan penuh dari ahli-ahli Parlimen," ujar beliau.

Datuk Abu Hassan menambah, beliau tidak "nampak" perkembangan politik UMNO ketika ini boleh memberikan kesan negatif dalam hubungan luar Malaysia. Menteri Luar itu memberitahu, beliau juga telah menyampaikan taklimat kepada duta-duta dan perwakilan asing di Malaysia berhubung perkembangan tersebut pagi ini.